

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 29: 19 Ogos 2024



DR. Rozi sumbang dua emas buat UPSI dalam sukan olahraga di SUKUM 2024

UMS Sabah, 16 Ogos - Dr. Muhammad Rozi Kassim, pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi menyumbang dua pingat emas individu dalam kategori kegemarannya iaitu 1500 dan 5000 meter pada hari terakhir kejohanan SUKUM di Kompleks Sukan UMS.

Kejohanan Sukan Staf Universiti Awam kali ke-45 yang berlangsung selama 10 hari secara rasminya melabuhkan tirainya pada Jumaat lepas dalam majlis yang disambut secara sederhana. UPSI yang menyertai tujuh acara sukan dengan kekuatan atlet dan pegawai seramai 60 orang telah mengutip 3 emas, 6 perak

dan 10 gangsa. Walaupun gagal mencapai sasaran kutipan pingat yang ditetapkan, kejayaan Dr. Rozi pada hari terakhir menjadi momen manis buat pasukan UPSI yang masih berada di bumi UMS.

Sukan dwi tahunan yang dianjurkan secara bergilir dalam kalangan universiti awam bakal menyaksikan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) sebagai tuan rumah pada tahun 2026. Pasti dengan sedikit kekecewaan atas kutipan pingat di SUKUM UMS Sabah ini, UPSI melalui Pusat Sukan akan bangkit dan membuat persiapan lebih awal untuk mencapai kejayaan yang lebih baik berbanding tahun ini.



Syabas & Tahniah

KONTINJEN UPSI DI SUKUM UMS 2024



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Penutup iFUTURE 2024

Kuala Lumpur, 18 Ogos
- Sidang Kemuncak Pemimpin Muda Masa Depan Antarabangsa mendapat sambutan meriah dari kalangan mahasiswa tempatan, luar negara serta belia akan diteruskan pada masa akan datang di mana pemimpin-

pemimpin muda mahasiswa berpeluang berbincang, bertukar pandangan, berkongsi idea dan meluahkan pandangan pada persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini. Apa yang penting persidangan ini sudah pastinya

akan dapat melahirkan pemimpin hebat sebagai pelapis bagi menggantikan pemimpin yang sedia ada untuk kecemerlangan dan kelangsungan pendidikan Negara.



Forum 6: iFUTURE 2024 (Keterbukaan Kerajaan Terhadap Belia dan Mahasiswa). Moderator: Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff

Kuala Lumpur, 18 Ogos
- Dalam forum ini mahasiswa dan belia digalakkan harus berani dan terus bersuara untuk

membawa agenda generasi muda demi kebaikan negara bukan menumpukan kepada perkara remeh-temeh yang

boleh merobohkan keharmonian negara, ianya harus diraikan selaras dengan konsep nilai Malaysia Madani

oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berlangsung di Dewan Tun Hussein Onn WTC Kuala Lumpur

Ucaptama iFuture 2024

Kuala Lumpur, 17 Ogos
- Mahasiswa yang berbakat perlu diperkasakan dengan sifat kepimpinan yang mempunyai pemikiran kritis, rasional, pantas,

berkemahiran, serba boleh dan berani membuat keputusan dalam memperjuangkan masa depan negara. Ucaptama disampaikan



Penyelidik UPSI Merevolusi Apresiasi Pendidikan Muzik melalui Realiti Maya

Tanjong Malim, 10 Ogos
- Projek penyelidikan ini bukan sekadar keajaiban teknologi, ia adalah usaha perintis untuk merapatkan jurang pelajar dengan genre muzik tradisional dan kontemporari. Projek yang dimulakan oleh Dr. Abdul Rahman Safian dengan bajet sebanyak RM11,000 ini yang dikenali sebagai eMARZ (Interactive Virtual Reality Module For Music Appreciation for Secondary School) telah menginovasi platform VR yang dapat memaparkan persembahan muzik tradisional Malaysia seperti Gamelan dan Caklempong serta genre global seperti Jazz dan Blues secara

lebih nyata dalam alam maya.

Inisiatif ini selaras dengan Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran untuk Pendidikan Muzik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, menjadikannya inovasi teknologi dan alat pendidikan penting yang mematuhi piawaian pendidikan nasional. Selain memaparkan persembahan video 360 darjah, perisian ini turut mengandungi kandungan pendidikan interaktif, memberikan pelajar maklumat mendalam mengenai setiap genre muzik. Ini termasuk konteks sejarah, butiran alat muzik, dan

kepentingan budaya setiap gaya muzik, yang penting untuk pemahaman muzik yang menyeluruh.

Modul ini boleh diakses melalui pelbagai peranti, dari sistem VR mudah alih yang menggunakan telefon pintar dan kad bod VR hingga set kepala VR mewah seperti Meta Quest dan Apple Vision Pro. Kepelbagaian ini memastikan eMARZ boleh digunakan dalam pelbagai persekitaran pendidikan dari bilik darjah tradisional hingga persekitaran pembelajaran jarak jauh, menjadikannya alat pendidikan yang boleh diakses secara universal.



Kuala Lumpur
Majlis Malam Alumni Universiti Awam



Tanjong Malim
Lawatan SMK Datuk Mansor ke UPSI



Tanjong Malim
Karnival Keluarga Sejahtera Merdeka



Tanjong Malim
Program Hands-On Virtual Reality for Kids